

09 JUN 1999

Mahathir-benci

WASPADA ORANG ASING HASUT BENCI BUMIPUTERA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini berkata rakyat perlu berwaspada terhadap orang asing yang menghasut pengikut mereka membenci golongan Bumiputera yang berjaya melalui Dasar Ekonomi Baru dan penswastaan.

"Orang asing suka menggunakan perasaan ini untuk menggagalkan rancangan kita mengagihkan kekayaan negara ini secara adil antara kaum," katanya ketika melancarkan Minggu Pelaburan bersama Pemodal Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional 2 di sini.

Dr Mahathir berkata orang asing ingin melihat kaum-kaum di negara ini bermusuhan, bertindak ganas dan merosakkan negara ini.

"Oleh itu janganlah kita benarkan diri kita dipengaruhi dan dihasut oleh mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata penswastaan telah menghasilkan beberapa orang Bumiputera yang kaya tetapi institusi yang diswastakan tidak mungkin berjaya jika tidak ada seseorang yang bertanggungjawab secara serius kerana kegagalan perniagaan akan membawa kerugian yang besar kepadanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak ingin menghapuskan orang yang kaya kerana mereka diperlukan untuk membayar cukai yang tinggi supaya hasil kerajaan meningkat dan dengan itu kerajaan dapat membekalkan kemudahan bagi semua rakyat dan menolong yang miskin.

Katanya jika DEB melalui penswastaan menyebabkan tercetusnya sebilangan Bumiputera yang kaya raya, "ini adalah kerana kita tidak ingin melihat yang kaya raya hanyalah dari kaum bukan Bumiputera sahaja."

Perdana Menteri juga berkata rakyat perlu memberi kepercayaan kepada kerajaan dalam usaha menangani masalah negara, baik dalam bidang ekonomi, politik mahupun sosial.

"Saya sebut tentang perlunya kepercayaan diberikan kepada kerajaan kerana ramai juga rakyat Malaysia terutama yang berpelajaran yang tidak yakin akan kebolehan kita, yang turut bersama dengan orang asing mengecam kita, yang mendesak supaya kita ikut secara buta tuli apa yang disarankan oleh orang asing dan pakar-pakar mereka," katanya.

"Janganlah apabila mereka kecam DEB, orang kita pun turut kecam, apabila mereka menuduh mereka amalkan kronisme dan nepotisme, kita juga menyalahkan kerajaan kerana kononnya mengamalkannya. Mereka kecam kita kerana tidak telus kononnya."

Perdana Menteri berkata rakyat tidak boleh terpengaruh dengan tuduhan kronisme, nepotisme dan sebagainya sehingga "kita merasa tersalah apabila melaksanakan DEB."

"Biarlah orang asing mengecam dan mengkritik, biarlah pengikut-pengikut mereka di Malaysia turut mengecam, kita harus teruskan dasar kita," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat berbilang kaum di Malaysia mestilah dibangunkan bersama dan menikmati kekayaan di negara ini secara adil dan saksama.

"Kita lebih tahu akan apa yang mungkin berlaku jika kaum-kaum di Malaysia tidak menikmati kekayaan di negara ini secara adil dan saksama," katanya.

Mengenai Minggu Pelaburan Bersama PNB, beliau berkata usaha itu jelas menunjukkan ketegasan PNB tentang pentingnya pengemblengan modal dalam membantu mengukuhkan ekonomi negara.

Usaha PNB ini adalah tepat pada masanya memandangkan seluruh rakyat di

negara ini akan dapat menyaksikan kejayaan PNB selama ini menerusi pameran, ceramah dan seminar sepanjang minggu ini, katanya.

-- BERNAMA

ARA MAI